

31/08/1998

Instrumen kewangan Islam langkah baik

TELUK INTAN, Ahad - Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pakar agama dan ekonomi Islam mewujudkan instrumen kewangan bagi bersaing dengan sistem sedia ada, adalah langkah terbaik, kata Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, instrumen seumpama itu perlu dilaksanakan dalam sistem kewangan dan perbankan di negara ini kerana kewujudan bank Islam dan kaunter Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) di semua bank diterima baik segenap lapisan masyarakat.

"Paling menggembirakan pemegang akaun SPTF majoritinya adalah orang bukan Islam dan jumlah simpanan yang diperolehi lebih banyak daripada golongan penyimpan yang sama," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan pertandingan memancing anjuran Unit Peladang Batu 8 dan Pertubuhan Peladang Kawasan Hutan Melintang, hari ini.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi, katanya, faktor faedah tidak menjadi unsur penting dan sistem perbankan Islam tidak terjejas teruk sama ada kepada bank dan peminjam kerana sistem itu berkonsepkan perkongsian keuntungan dan kerugian bersama.

(END)